

# Dr M tidak bantah Najib jadi TPM

BH 6 JUL 2002

JITRA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempunyai hak untuk memilih timbalannya apabila menjadi Perdana Menteri selepas peralihan kuasa pada Oktober tahun depan.

Bagaimanapun, apabila ditanya sama ada beliau mengiktiraf Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri berikutan kenyataannya kelmarin, Perdana Menteri berkata:

"Let say I have no objection (Katakan saja saya tiada bantahan)."

Ditanya sama ada beliau akan memaklumkan perkara itu kepada anggota Umno yang lain, Dr Mahathir berkata: "I'm telling you now (Saya memberitahu anda sekarang)."

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas ucapannya pada perjumpaan dengan Jawatankuasa Umno Bahagian Kubang Pasu di pejabatnya di Putrajaya, Rabu lalu.

Pada perjumpaan itu, Dr Mahathir dipetik sebagai berkata: "Sebenarnya kalau saya tak jadi Perdana Menteri, hari ini Pak Lah (Abdullah) jadi Perdana Menteri dan mungkin Najib jadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi mereka sanggup tunggu selama 16 bulan untuk mendapat jawatan itu."

Pada sidang akhbar selepas meletakkan batu asas Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu di sini hari ini, Dr Mahathir bagaimanapun berkata siapapun antara Naib Presiden Umno yang akan dipilih Abdullah, yang pasti semuanya sudah membuat perakuan bahawa tiada perebutan kuasa akan berlaku.

"Sama ada pengiktirafan ini dibuat secara terbuka atau tertutup, mereka tidak akan cuba menjatuhkan satu sama lain," katanya apabila diminta mengulas mengenai penerimaan Naib Presiden Umno yang lain berhubung kenyataannya itu.

Perdana Menteri berkata, walaupun nama Najib disebut sebagai Timbalan Perdana Menteri, segalanya tetap terserah kepada Abdullah untuk membentuk kerajaan dan memilih anggota Kabinetnya nanti.

"Dalam sistem Umno, apabila Presiden berundur, penggantinya akan memangku tugas presiden parti, manakala bagi peringkat kerajaan, apabila saya undur, Pak Lah (Abdullah) akan menjadi Perdana Menteri.

"Kedudukan Timbalan Presiden parti akan ditentukan oleh parti tapi sesiapa

## Dr Mahathir janji usaha bantu kemenangan BN

### DARI MUKA 1

yang dipilih Pak Lah sebagai Timbalan Perdana Menteri biasanya akan menjawat jawatan Timbalan Presiden parti," katanya.

Perdana Menteri berkata, perkara itu juga berlaku kepadanya dulu dan percaya tradisi berkenaan adalah sesuatu yang baik.

Mengenai penggantinya sebagai Menteri Kewangan, Dr Mahathir berkata, beliau masih mencari calon yang sesuai.

Menjawab soalan sama ada beliau akan mengetuai Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya umum akan datang, Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu siapa yang akan menjadi peneraju, tetapi beliau akan bekerja keras bagi menentukan BN menang dengan cemerlang.

Dr Mahathir berkata, walaupun ramai penyokongnya di Kubang Pasu mahu-

kannya terus mewakili mereka, beliau tetap akan menamatkan penggalnya sehingga pilihan raya umum nanti.

"Apa yang akan berlaku selepas pilihan raya umum nanti, saya tidak dapat tentukan," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada penyokongnya di Kubang Pasu, yang memberi kepercayaan kepadanya mewakili mereka sejak 1974.

Pada masa sama, beliau berharap penyokongnya dapat terus memberikan sokongan kepada calon BN pada masa depan bagi menjamin kesinambungan kerajaan yang ada.

Di PEKAN, Najib berkata biarlah pemimpin atasan memberi nasihat kepada ahli parti mengenai isu siapa yang akan menduduki jawatan Timbalan Perdana Menteri apabila Dr

Mahathir bersara, Oktober tahun depan.

"Nasihat... biarlah pemimpin atasan, Pak Lah dan PM nasihat, saya berdiam diri," katanya ketika diminta mengulas lebih lanjut kenyataannya di Alor Star semalam berhubung kedudukan jawatan Timbalan Perdana Menteri selepas ini.

Semalam, Najib yang juga Menteri Pertahanan mengakui terkejut dengan kenyataan Dr Mahathir yang menyebut mengenai kemungkinan beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Ketika ditemui pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Perkim Pahang di Muzium Sultan Abu Bakar, hari ini beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu.

"Better not (sebaik-baik tak perlu)... tiada kenyataan mengenainya lagi," katanya.